

Zurich Life Insurance Malaysia Memperkenalkan Zurich EduMax, Bagi Membantu Ibu Bapa Membina Masa Depan Yang Lebih Cerah

Kuala Lumpur, 3 November 2025 – Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (Zurich) hari ini memperkenalkan **Zurich EduMax**, pelan simpanan pendidikan yang komprehensif direka untuk membantu ibu bapa dan penjaga merancang pendidikan anak-anak mereka. Pelan ini memperkasakan keluarga untuk menyimpan dengan bijak dan memberi inspirasi kepada anak-anak untuk mengejar impian mereka. Pelan ini menawarkan pendekatan strategik kepada ibu bapa dan penjaga untuk mengembangkan dana pendidikan anak-anak di samping memastikan keselamatan kewangan serta ketenangan fikiran sepanjang tempoh pendidikan mereka.

Membesarkan anak di Malaysia pada masa kini hadir bersama tanggungjawab kewangan yang besar, terutamanya dalam aspek pendidikan. Di Malaysia, jumlah kos pengajian di institusi tempatan dianggarkan antara [RM50,000 hingga RM500,000](#), bergantung pada program dan universiti yang dipilih. Manakala, melanjutkan pengajian tinggi di luar negara pula boleh mencecah lebih daripada [RM1,000,000](#) secara keseluruhan, termasuk yuran pengajian dan kos sara hidup. Jumlah ini memperlihatkan kepentingan perancangan awal dan pengurusan kewangan yang bijak. Menerusi Zurich EduMax, ibu bapa dan penjaga boleh merancang dengan yakin serta menyediakan asas kukuh buat anak-anak mengejar impian mereka.

Pauline Teoh, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, berkata, “Di Zurich Malaysia, kami sentiasa percaya bahawa melindungi segala perkara yang bermakna bermula daripada pilihan yang dilakukan setiap hari untuk insan yang kita sayangi. Bagi ibu bapa atau penjaga, hal ini bermaksud memberikan anak-anak bukan sahaja peluang, malah keyakinan untuk mengejar impian mereka. Dengan Zurich EduMax, kami berhasrat membantu keluarga merancang masa depan, supaya mereka dapat membina, melindungi dan meraikan masa hadapan anak-anak mereka.”

Mencerminkan komitmen Zurich Malaysia dalam memperkasakan keluarga, Zurich EduMax dibangunkan berasaskan tiga nilai utama iaitu Bina, Lindungi, dan Raikan, yang menawarkan fleksibiliti, perlindungan serta ganjaran bermakna yang berkembang seiring dengan setiap pencapaian dalam kehidupan anak mereka:

- **Bina:** Kembangkan dana pendidikan anak anda dengan jaminan bayaran tunai serta pilihan untuk melabur melalui Akaun Pelaburan EduSaver, memberi anda fleksibiliti untuk menyesuaikan simpanan mengikut matlamat pendidikan anak-anak.
- **Lindungi:** Lindungi masa depan anak anda dengan manfaat tambahan Payor Benefit, yang melindungi kedua-dua ibu bapa untuk ketenangan fikiran sekiranya berlaku kematian, hilang upaya keseluruhan dan kekal (HUKK), atau diagnosis untuk penyakit kritikal yang dilindungi. Sekiranya berlaku situasi yang dinyatakan, bayaran premium akan dikecualikan bagi tempoh baki bayaran, dan Manfaat Sokongan ICU bersamaan dengan 12 bulan premium akan diberikan sekiranya dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU), untuk memastikan dana pendidikan anak tidak terjejas.
- **Raikan:** Hargai pencapaian anak anda dengan ganjaran pencapaian tertinggi di pasaran, sehingga RM10,000, yang mengiktiraf bukan sahaja kecemerlangan akademik tetapi juga kejayaan dalam bidang sukan – menjadikan setiap kejayaan wajar diraikan.

Siaran Media

3 November 2025



Majlis pelancaran Zurich EduMax untuk pelanggan telah diadakan pada 1 November 2025 di Toy8, The Gardens Mall, yang menghimpunkan ibu bapa, penjaga dan anak-anak untuk satu hari yang dipenuhi dengan aktiviti pembelajaran serta inspirasi. Acara tersebut dimulakan dengan sesi pelancaran pada waktu pagi diikuti dengan bengkel interaktif keluarga yang direka untuk membantu ibu bapa merancang perjalanan pendidikan anak-anak dengan lebih baik. Para tetamu turut berpeluang meneroka alat perancangan pendidikan baharu Zurich Malaysia serta menonton video bertema khas.

Bagi meraikan pelancaran ini, pelanggan yang mendaftar semasa tempoh Kempen Pendaftaran Awal yang berlangsung sehingga 28 November 2025, akan menikmati pulangan tunai tambahan hingga 4 peratus daripada Jumlah Asas Diinsuranskan yang dipilih.*

Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich EduMax, sila layari laman web rasmi di <https://www.zurich.com.my/insurance-products/savings/for-my-family/edumax> atau hubungi perancang kewangan Zurich Malaysia anda.

*Tertakluk pada terma dan syarat.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (ZLIMB), sebagai sebahagian daripada Zurich Insurance Group, adalah penyedia insurans hayat terkemuka yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Melalui pelbagai rangkaian produk insurans hayat, ZLIMB menyediakan penyelesaian perlindungan, perubatan dan kesihatan, simpanan wang dan pelaburan untuk memenuhi keperluan keselamatan dan jaminan kewangan para pelanggan. Bersama-sama kakitangan yang berdedikasi, tenaga kerja agensi, pengedar dan rakan niaga serta dengan sokongan dari rangkaian cawangan di bandar-bandar utama di seluruh negara, ZLIMB komited untuk membantu pelanggan memahami dan melindungi diri mereka daripada risiko. Perlindungan takaful keluarga yang patuh syariah juga disediakan untuk para pelanggan melalui syarikat sekutu, Zurich Takaful Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut mengenai ZLIMB, layari www.zurich.com.my